



---

## **KERATAN AKHBAR DAN BERITA ONLINE UNTUK MAKLUMAN :**

**Y.B. MENTERI  
Y.B. TIMBALAN MENTERI  
Y.BHG. KSU  
Y.BHG. TKSU (PDN)  
Y.BHG. TKSU (PPP)  
SETIAUSAHA AKHBAR**

---

**12 SEPTEMBER 2023 (SELASA)**



---

## **KERATAN AKHBAR (KPDN)**

---

**12 SEPTEMBER 2023 (SELASA)**

## Minyak masak paket ada tapi kurang

**Alor Setar:** Bekalan minyak masak berpaket di kesan kekurangan di Kedah sehingga menyukarkan orang ramai untuk membeli terutama peniaga makanan.

Tinjauan di beberapa kedai runcit di daerah ini, semalam mendapati minyak masak berpaket masih ada namun kekurangan sejak beberapa hari lalu dan penjualannya terpaksa dihadkan kepada pengguna.

Peniaga runcit, Ajmal Abdul Aziz, 47, berkata, kali terakhir dia memperoleh bekalan minyak masak berpaket itu pada 25 Ogos lalu sebanyak 40 peket bersamaan 400 kilogram (kg) dan kini hanya tinggal baki dua paket saja.

Menurutnya, dia tidak mengehadkan pembelian minyak masak berpaket itu kepada pelanggan sebaliknya menjualnya selagi stok masih ada.



MOHAMAD Yusrizal (kanan) melakukan tinjauan berhubung minyak masak berpaket di Pasar Besar Alor Setar. - Gambar NSTP/ZULKIATY ZULKIFFLI

"Ramai pelanggan yang datang beli, saya jual saja tapi bekalan yang saya dapat hanya bertahan tidak sampai seminggu," katanya ditemui di Pasar Besar Alor Setar di sini, semalam.

Sementara itu, Presiden Persatuan Pengguna Ke-

dah (Cake), Mohamad Yusrizal Yusoff berkata, pihaknya menerima banyak aduan berhubung kekurangan minyak masak berpaket di negeri berkenaan terutamanya di kawasan luar bandar.

Menurutnya, setakat ini pihaknya menerima aduan

di enam daerah iaitu Pendang, Yan, Kota Setar, Baling, Kuala Muda dan Sik berhubung kekurangan bekalan minyak masak berpaket itu.

"Namun hasil tinjauan Cake mendapati bekalan minyak masak berpaket itu masih ada di pasaran cuma kekurangan.

"Kita dapat ada peniaga yang mengehadkan penjualan minyak masak berpaket ini hanya dua paket kepada seorang pelanggan untuk mengelakkan pembelian panik," katanya ketika ditemui di sini, semalam.

Sementara itu, Pengarah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak Hidup (KPDN) Kedah, Affendi Rajini Kanth berkata, hasil semakan pihaknya mendapati tiada aduan rasmi berkaitan kekurangan bekalan minyak masak diterima pihaknya setakat ini.



---

---

## **BERITA ONLINE (KPDN)**

---

---

**12 SEPTEMBER 2023 (SELASA)**

BERITA ONLINE BERTARIKH 12 SEPTEMBER 2023			
TARIKH	TAJUK	PAUTAN	MEDIA
12-Sep	Bekalan beras tempatan di Negeri Sembilan mencukupi	<a href="https://www.google.com/amp/s/www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2023/09/1008612/bekalan-beras-tempatan-di-negeri-sembilan-mencukupi">https://www.google.com/amp/s/www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2023/09/1008612/bekalan-beras-tempatan-di-negeri-sembilan-mencukupi</a>	HM
12-Sep	Peniaga dakwa minyak masak berpeket kurang di Kedah	<a href="https://www.google.com/amp/s/www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2023/09/1008645/peniaga-dakwa-minyak-masak-berpeket-kurang-di-kedah">https://www.google.com/amp/s/www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2023/09/1008645/peniaga-dakwa-minyak-masak-berpeket-kurang-di-kedah</a>	HM
12-Sep	Fruits and veggie production going up	<a href="https://www.thestar.com.my/news/focus/2023/09/11/fruits-and-veggie-production-going-up">https://www.thestar.com.my/news/focus/2023/09/11/fruits-and-veggie-production-going-up</a>	THESTAR